

# Dasar industri pertahanan dilancar dua bulan lagi

BH- 12/11/2021 m/s: 3

Garis panduan sedia hala tuju menyeluruh, kurangkan kebergantungan aset luar: PM



Ismail Sabri bersama Prabowo (kanan) ketika melawat fasiliti pengeluaran produk ketenteraan dan komersial Indonesia di Bandung, semalam.

(Foto BERNAMA)

nesia,” katanya.

Dasar industri pertahanan dan keselamatan negara yang sedang digubal akan menyediakan hala tuju menyeluruh dalam mengurangkan kebergantungan terhadap aset dan peralatan dari luar negara.

Menurut dokumen Rancangan Malaysia Ke-12 yang dikeluarkan Unit Perancang Ekonomi pada September lalu, dasar itu antara lain memberi tumpuan berhubung pembangunan produk dan perkhidmatan serta pembangunan bakat.

Dalam lawatan itu beliau diiringi Menteri Luar Datuk Saifuddin Abdullah dan Menteri Kanan Pertahanan Datuk Seri

Hishammuddin Tun Hussein dan Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Malaysia di Indonesia, Adlan Mohd Shaffiq.

Yang hadir sama bagi pihak Indonesia pula Menteri Pertahanan Indonesia, Prabowo Subianto; Direktur Utama PT Pindad Abraham Mose, selain Menteri Pendidikan, Kebudayaan, Penyelidikan dan Teknologi Indonesia, Nadiem Anwar Makarim, yang juga menteri pengiring.

Sementara itu, PT Pindad adalah syarikat milik kerajaan Indonesia yang menghasilkan produk ketenteraan dan komersial, antaranya pistol, senapang, peluru, kenderaan khusus termasuk kereta pe-

risai, produk pyroteknik, bahan peledak, produk mekanikal, elektrik optikal dan opto elektronik.

Syarikat itu adalah pembekal utama persenjataan dan amunisi untuk Tentera Nasional Indonesia dan badan beruniform lain bagi menyokong keupayaan pertahanan dan keselamatan Indonesia.

PT Pindad turut menjalankan aktiviti reka bentuk, pembangunan, kejuruteraan dan fabrikasi serta penyelenggaraan.

Fasiliti pengeluaran di sini berkeluasan 66 hektar dengan fasiliti terbesarnya di Malang, di Jawa Timur, berkeluasan 166 hektar. BERNAMA

**Bandung:** Dasar industri pertahanan dan keselamatan negara, dijangka dilancarkan dalam tempoh satu atau dua bulan lagi, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, pelancaran dasar itu akan memperkasakan industri pertahanan negara yang merupakan salah satu fokus utama Kementerian Pertahanan.

Ismail Sabri memberitahu media demikian selepas melawat fasiliti pengeluaran produk ketenteraan dan komersial Indonesia milik PT Pindad, yang terlibat dalam industri pertahanan sejak 1983, di sini, semalam.

Lawatan itu adalah atur cara terakhir sempena lawatan rasmi tiga hari beliau ke Indonesia.

“Jadi bertepatan lawatan ini untuk kita lihat daripada segi kerjasama dengan pihak Indonesia,” katanya dan menambah kata objektif lawatan ke PT Pindad adalah untuk melihat perkembangan industri pertahanan di Indonesia.

“Mungkin selepas ini kita akan lihat daripada segi peluang bagaimana kita boleh mengadakan kerjasama di antara Malaysia dan Indo-